

TERKINI / LATEST

China stops purchasing US agricultural products [ 4m ago ]



## Afrika boleh pelajari pengalaman Malaysia dalam merangka polisi perkhidmatan awam berkesan - IDEP

Tarikh kemaskini: 02/08/2019



KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) – Malaysia boleh menjadi contoh kepada banyak negara Afrika dalam usahanya memodenkan perkhidmatan awam termasuk merangka polisi yang berkesan untuk pembangunan jangka panjang, kata Pengarah Institut Pembangunan dan Perancangan Ekonomi Afrika (IDEP) Karima Bounemra Ben Kata Soltane.

Beliau berkata rekod pencapaian baik Malaysia dari negara kurang maju kepada negara yang canggih hari ini - menerusi perancangan dan pelaksanaan visi yang baik - boleh menjadi ikutan negara Afrika yang lain.

Beliau juga memuji Malaysia kerana sentiasa bersemangat untuk berkongsi pengalamannya dalam membina sektor awam berkesan dan profesional dengan negara membangun yang lain.

"Kita tahu sejarah Malaysia (dan) cara ia menjalankan proses pembangunannya. Terdapat visi jangka panjang dan ia (visi) digabungkan ke dalam rancangan pembangunan yang koheren, dipantau dan dinilai," katanya.

Beliau ditemui wartawan Perkhidmatan Berita Antarabangsa Bernama dan BNC selepas menghadiri majlis penutup program latihan bertajuk 'Evaluating Public Policy In Malaysia's Perspective for the African Institute for Economic Development and Planning' di Institut Pentadbiran Awam Negara (Intan), di sini, hari ini.

Berpangkalan di Dakar, Senegal, IDEP adalah sebuah institusi pan Afrika yang ditubuhkan pada 1962 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, bertujuan memperkuat pembinaan kapasiti sumber daya manusia di negara-negara Afrika.

Seramai 18 pegawai kanan dari 18 negara Afrika mengambil bahagian dalam program latihan perdana selama seminggu itu - kerjasama antara IDEP dan Intan.

Karima berkata ia kali pertama program IDEP diadakan di luar benua Afrika.

"Saya dapati program ini sangat bermakna, banyak yang dapat dipelajari daripada pengalaman Malaysia dalam merangka dan melaksanakan dasar awam.

"Program latihan ini langkah pertama yang sangat berjaya (ke arah lebih banyak perkongsian di masa hadapan). Selain itu, kita juga lihat minat yang mendalam antara kedua-dua pihak, jadi saya harap lebih banyak program dianjurkan selepas ini," katanya.